KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL MEMBACA PERDANA
DAN PESTA BUKU MELAKA 2026

31 OKTOBER 2026 (SABTU)

3.00 PETANG

THE SHORE SHOPPING GALLERY, MELAKA

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Kehadapan Yang Dikasihi;
Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Hj Mohd Ali bin Mohd Rustam,
Yang Di-Pertua Negeri Melaka;

Saya mewakili Kementerian Perpaduan Negara menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun atas kesudian hadir pada pagi ini bagi menyempurnakan **Karnival Membaca Perdana dan Pesta Buku Melaka 2026.**

Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun melambangkan sokongan berterusan terhadap usaha memupuk dan membudayakan amalan membaca serta menyemai kecintaan terhadap ilmu, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Saya mendoakan semoga Tuan Yang Terutama Tun terus dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, dilimpahi rahmat dan keberkatan, serta terus menaungi Negeri Melaka dengan penuh kebijaksanaan dan hikmah.

Tuan Yang Terutama Tun, seterusnya izinkan saya menyampaikan sepatah dua kata kepada seluruh hadirin yang dimuliakan pada petang ini.

SALUTASI

(salutasi akan diberikan secara berasingan)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa syukur kerana pada petang ini, kita dapat bersama-sama berhimpun sempena **Majlis Perasmian Karnival Membaca Perdana dan Pesta Buku Melaka 2026.**

2. Saya merakamkan penghargaan kepada **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kerajaan Negeri Melaka khususnya Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka** serta semua rakan kolaborasi yang bersama-sama menjayakan program ini.

3. Penganjuran program ini merupakan antara usaha strategik untuk memperkasa budaya membaca sebagai amalan hidup rakyat Malaysia, selaras dengan aspirasi **Dekad Membaca Kebangsaan** dan hasrat menjadikan Malaysia sebuah **negara pembaca menjelang tahun 2030**.

MEMBACA SEBAGAI ASAS PEMBINAAN MASYARAKAT BERILMU

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah **memperkenalkan Karnival Membaca Perdana pada tahun 2024** dengan pendekatan

yang lebih inklusif, santai dan interaktif. Matlamat kita bukan sekadar meningkatkan jumlah bahan bacaan yang dibaca, tetapi membentuk masyarakat yang berilmu, dan berupaya memanfaatkan ilmu untuk meningkatkan kualiti kehidupan.

5. Pelaksanaan program galakan membaca menunjukkan trend peningkatan yang ketara, daripada 75 program dengan 112,408 penyertaan pada tahun 2023 kepada 139 program dengan 234,158 penyertaan pada tahun 2024 dan 146 program dengan 422,994 penyertaan pada tahun 2025. Kementerian Perpaduan Negara terus mempergiat pelbagai inisiatif sepanjang tahun 2026, antaranya **Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit, Karnival Citra Penulis 2026, Wacana Bahasa Warisan 2026, Minggu Literasi Media dan Maklumat (MLMM) 2026, Program Sentuhan Komuniti Bestari serta Kembara Ilmu.**

6. Pelaksanaan program-program ini mencerminkan pendekatan menyeluruh kementerian dalam memperluas akses kepada ilmu, menyemarakkan budaya membaca dan mendekatkan perkhidmatan perpustakaan kepada masyarakat daripada pelbagai latar belakang.

7. Usaha berterusan ini turut memperlihatkan perkembangan positif dalam amalan membaca rakyat Malaysia. Berdasarkan **Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia**, purata jumlah bahan bacaan yang dibaca oleh rakyat Malaysia menunjukkan peningkatan ketara daripada **dua naskhah setahun pada tahun 2005 kepada 15 naskhah pada tahun 2014, seterusnya 24 naskhah pada tahun 2023.** Peningkatan ini merupakan petunjuk bahawa budaya membaca semakin mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat, sekali gus membuktikan bahawa usaha membudayakan ilmu secara konsisten mampu membawa perubahan yang bermakna.

8. Pada masa ini, kadar pembacaan rakyat Malaysia dilaporkan mencapai **88.6 peratus**, dengan merangkumi **16 naskhah bahan bacaan bercetak dan lapan naskhah bahan bacaan digital**. Rakyat Malaysia juga memperuntukkan purata sekitar 9 jam 22 minit seminggu untuk membaca.

9. **Dalam konteks negeri Melaka, kadar pembacaan sebanyak 88.8 peratus, yang meletakkan Melaka pada kedudukan keenam dalam kalangan negeri**. Angka ini mencerminkan potensi besar untuk terus memperkukuh budaya ilmu dalam masyarakat Melaka.

10. Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sedang **membangunkan Indeks Membaca Kebangsaan (IMK) sebagai instrumen untuk mengukur tahap dan pola amalan membaca rakyat Malaysia**. Inisiatif ini susulan cadangan daripada Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia 2022/2023 bagi memastikan perkembangan budaya membaca negara dapat dinilai secara lebih menyeluruh, sistematik dan berasaskan bukti.

11. Pada masa ini, Kajian Awal IMK 2026 telah dilaksanakan bagi mendapatkan data empirikal untuk mengenal pasti trend, cabaran serta tahap amalan membaca masyarakat. Dapatan awal menunjukkan bahawa 95 peratus responden merupakan pembaca aktif, manakala 47.8 peratus membaca setiap hari. Walau bagaimanapun, angka ini masih bersifat sementara dan skor rasmi IMK 2026 hanya akan dimuktamadkan selepas proses pengesahan serta analisis data selesai.

12. Kementerian melalui PNM menyasarkan pemuktamadan IMK pada awal tahun 2027 supaya indeks ini dapat dilaksanakan secara rasmi.

PENERBITAN NEGARA

Hadirin yang kasihi sekalian,

13. Dalam usaha memperkukuh ekosistem pembacaan negara, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia turut memberikan perhatian kepada **keperluan penerbit sebagai rakan strategik dalam industri perbukuan negara**.

14. Sehubungan itu, PNM terus menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada penerbit melalui **pelaksanaan Sistem Depositori**, yang mula beroperasi sepenuhnya pada Mei 2026. **Sistem ini membolehkan urusan permohonan International Standard Book Number (ISBN), International Standard Serial Number (ISSN), Pengkatalogan dalam Penerbitan (PdP) serta penyerahan bahan *born digital* dilaksanakan secara dalam talian**, sekali gus menjadikan proses penerbitan lebih cekap, mudah dan sistematik selaras dengan peruntukan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 [Akta 331].

15. Bagi tempoh **2023 hingga Ogos 2026, sebanyak 155,395 permohonan ISBN, PdP dan ISSN telah direkodkan**, termasuk 31,284 permohonan yang diterima sehingga Ogos 2026. Sementara itu, bagi tempoh **Mei hingga Ogos**

2026, sebanyak 8,651 judul yang merangkumi 43,609 naskhah bahan fizikal dan digital telah didaftarkan.

16. Dalam masa yang sama, **Pusat Warisan Intelek Negara (MyWIN) di Bukit Jalil sedang dibangunkan dan dijangka siap pada 12 November 2029**. Setelah siap, kira-kira 2.5 juta naskhah koleksi negara yang kini disimpan di Extra Space Sungai Besi akan dipindahkan ke MyWIN, sekali gus menyediakan kemudahan penyimpanan yang lebih sistematik dan bersesuaian bagi memastikan kelestarian khazanah intelek negara, termasuk koleksi bercetak, tidak bercetak dan *born digital*, untuk generasi akan datang.

17. Perkembangan positif turut dapat dilihat berhubung bilangan penerbit. **Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2026, sebanyak 3,216 penerbit baharu telah direkodkan berbanding 1,873 penerbit baharu bagi tempoh yang sama pada tahun 2025**. Peningkatan ini mencerminkan perkembangan yang memberangsangkan dalam ekosistem perbukuan negara sekaligus membuka lebih banyak ruang kepada penghasilan serta kepelbagaian bahan bacaan berkualiti untuk masyarakat

PERTANDINGAN RUANG BACAAN KELUARGA

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

18. Antara pengisian yang memberikan nilai tambah kepada karnival ini ialah **Pertandingan Ruang Bacaan Keluarga Peringkat Kebangsaan 2026** dan **Program Penarafan Bintang Perpustakaan Khusus Guna Sama (PKG)** yang melibatkan perpustakaan di kementerian, politeknik dan institut pendidikan guru.

19. Pertandingan Ruang Bacaan Keluarga telah menerima sebanyak **336 penyertaan dari seluruh negara**, dengan 32 penyertaan dari 13 negeri berjaya mara ke peringkat kebangsaan. Penyertaan ini merangkumi tiga kategori, iaitu:

    - Rumah Bertanah sebanyak 13 penyertaan,
    - Kediaman Bertingkat sebanyak 7 penyertaan dan
    - Rumah Kampung sebanyak 12 penyertaan.

20. Sementara itu, Program Penarafan Bintang Perpustakaan Khusus Guna Sama yang julung kali dianjurkan telah menerima sambutan menggalakkan, dengan penyertaan **84 buah perpustakaan**. Daripada jumlah tersebut, 53 buah perpustakaan telah melalui peringkat penjurian akhir, melibatkan enam kluster iaitu:

- Akademik,
- Kementerian/Jabatan,
- Institusi Latihan,
- Perubatan,
- Mahkamah/Perundangan serta
- Keselamatan.

21. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada **29 buah perpustakaan yang menerima penarafan lima bintang dan 24 buah perpustakaan yang menerima penarafan empat bintang**. Saya berharap Program Penarafan Bintang Perpustakaan ini terus berkembang sebagai platform penanda aras kecemerlangan yang mendorong budaya inovasi, penambahbaikan berterusan dan profesionalisme dalam pengurusan perpustakaan.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

22. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka, Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, institusi pendidikan, penerbit, penulis, rakan kolaborasi serta

semua pihak yang telah memberikan komitmen dan sumbangan dalam menjayakan program ini.

23. Semoga usaha ini terus menyuburkan budaya membaca, memperluas akses kepada ilmu, memperkukuh literasi masyarakat dan menyumbang kepada pembentukan negara bangsa yang berilmu serta bersatu padu.

Sekian, terima kasih.